

Terma dan Syarat Kempen Scootvaganza dengan Kad AFFIN (“Kempen”)

1. Definisi

- 1.1 Kempen Scootvaganza dengan Kad AFFIN (“Kempen”) dianjurkan oleh Affin Bank Berhad dan AFFIN ISLAMIC Bank Berhad (Pihak “Bank”). Kempen ini tertakluk pada terma dan syarat (“T&C”) seperti yang dinyatakan di sini Perkataan dan ungkapan di bawah mempunyai maksud yang berikut, melainkan jika konteksnya mempunyai makna yang lain:
 - 1.1.1 “**AFFINBANK**” bermaksud Affin Bank Berhad (25046-T)
 - 1.1.2 “**AFFIN ISLAMIC**” bermaksud AFFIN ISLAMIC Bank Berhad (709506-V).
 - 1.1.3 “**Ahli Kad**” merujuk kepada pemegang Kad Kredit/Kad Kredit-i dan Kad Debit/Kad Debit-i atau Kad lain yang mungkin dikeluarkan oleh Pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
 - 1.1.4 “**Kad AFFIN**” merujuk kepada Kad Kredit/Kad Kredit-i dan Kad Debit/Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Pihak Bank.
 - 1.1.5 “**EPP**” merujuk kepada Pelan Pembayaran Mudah dengan 0% keuntungan untuk pembelian minima RM500 di saudagar yang mengambil bahagian.
 - 1.1.6 “**BTiP**” merujuk kepada Pelan Ansuran Pindahan Baki di mana baki Kad kredit dari bank lain atau pengeluar kad dipindahkan ke akaun Kad Kredit Pihak Bank dengan jumlah minimum sebanyak RM3,000. Pelan ini tidak tersedia untuk ahli Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC BANK buat masa ini.

2. Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen ini sah dari **15 Mei 2018** sehingga **15 September 2018** termasuk kedua-dua tarikh, atau tempoh lain yang akan ditentukan oleh Pihak Bank (“Tempoh Kempen”) dari semasa ke semasa.

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen ini hanya terbuka kepada Ahli Kad utama dan Kad tambahan AFFIN Kad yang baru* dan sedia ada yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan di bawah (“Ahli Kad Yang Layak”):
 - 3.1.1 Memegang Kad AFFIN yang sah dan akaun Kad AFFIN berada pada kedudukan yang baik sepanjang Tempoh Kempen, termasuk pada masa pemilihan dan pemberitahuan pemenang hadiah Kempen.
- 3.2 Individu yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen dan mana-mana penyertaan, kemasukan, pendaftaran, penyerahan atau transaksi pembelian yang layak, mengikut mana-mana yang berkenaan, mereka akan hilang kelayakan:
 - 3.2.1 Kakitangan Pihak Bank di bawah Jabatan Perniagaan Kad, Jabatan Perbankan Digital dan agensi serta lain-lain entiti yang terlibat dalam melakukan, melaksanakan dan/atau pentadbiran Kempen (sebagaimana ditentukan oleh Pihak Bank menurut budi bicara mutlaknya);
 - 3.2.2 Ahli Kad yang gagal membuat bayaran yang diberikan oleh Pihak Bank, atau akaun Kad AFFIN telah digantung, disenarai hitam, dibatalkan atau ditamatkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen, tertakluk kepada budi bicara Pihak Bank; atau
 - 3.2.3 Ahli Kad AFFIN yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan palsu atau salah berhubung dengan akaun Kad atau mana-mana kemudahan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Bank.

Nota: *Kad yang baru diluluskan merujuk kepada Kad utama atau tambahan yang telah diluluskan dan diaktifkan dalam Tempoh Kempen.

4. Syarat Kelayakan

4.1 Ahli Kad yang Layak boleh mengumpul penyertaan untuk Kempen seperti yang diringkaskan di bawah (Kriteria Kelayakan):

- 4.1.1 Kad AFFIN baru yang diluluskan dengan sebarang jumlah transaksi runcit semasa Tempoh Kempen akan mendapat sepuluh (10) penyertaan;
- 4.1.2 Setiap RM100 yang dibelanjakan untuk transaksi runcit tempatan dalam satu resit akan mendapat satu (1) penyertaan, transaksi runcit RM100 yang berikutnya akan mendapat satu (1) penyertaan;
- 4.1.3 Setiap RM100 yang dibelanjakan untuk transaksi dalam talian dalam satu resit akan mendapat lima (5) penyertaan, transaksi dalam talian RM100 yang berikutnya akan mendapat lima (5) penyertaan;
- 4.1.4 Setiap pelan EPP yang diluluskan dengan jumlah minimum sebanyak RM500 yang dibelanjakan akan mendapat lima (5) penyertaan bagi setiap pelan; dan
- 4.1.5 Setiap pelan BTiP yang diluluskan dengan jumlah minimum sebanyak RM3,000 yang diluluskan akan mendapat lima (5) penyertaan bagi setiap pelan.

4.2 Kriteria Kelayakan adalah seperti di bawah:

Kategori	Kelayakan Transaksi	**Bilangan Penyertaan	Contoh
Kad yang baru diluluskan dengan sebarang transaksi runcit	Sebarang Jumlah	10	Transaksi RM3,000, Bilangan penyertaan yang diterima = 40 penyertaan (10 penyertaan untuk Kad yang baru diluluskan + 30 penyertaan untuk transaksi runcit)
Transaksi runcit tempatan	Setiap RM100 yang dibelanjakan dalam satu resit	1	Transaksi RM3,000, Bilangan penyertaan yang diterima = 30 penyertaan
Perbelanjaan dalam talian		5	Transaksi RM3,000, Bilangan penyertaan yang diterima = 150 penyertaan
EPP	Setiap pelan EPP yang diluluskan	5	Transaksi RM3,000, Bilangan penyertaan yang diterima = 35 penyertaan (5 penyertaan untuk EPP + 30 penyertaan untuk transaksi runcit)
BTiP	Setiap pelan BTiP yang diluluskan	5	Transaksi RM3,000, Bilangan penyertaan yang diterima = 5 penyertaan

Nota: **Bilangan penyertaan untuk Ahli Kad tambahan yang akaun Kad AFFINnya sama dengan akaun Kad utama AFFIN akan diagregatkan di bawah akaun Kad utama AFFIN. Bilangan penyertaan untuk Ahli Kad tambahan yang akaun Kad AFFINnya berbeza dari akaun Kad utama akan dikira secara berasingan.

4.3 Perbelanjaan runcit adalah perbelanjaan selain daripada pengeluaran wang tunai (urus niaga bukan tunai).

- 4.4 Perbelanjaan runcit untuk tujuan Kempen ini termasuk transaksi pembelian di terminal tempat jualan elektronik, Pelan Pembayaran Mudah (EPP), pesanan pos atau pesanan telefon dan urusniaga berulang yang dikenakan ke dalam akaun Kad.
- 4.5 Perbelanjaan runcit yang dibuat di dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM).
- 4.6 Untuk tujuan Kempen ini, perbelanjaan berikut **TIDAK** akan dianggap sebagai perbelanjaan runcit:
 - 4.6.1 Transaksi yang menyalahi undang-undang seperti pertaruhan dalam talian secara haram, perjudian atau perbelanjaan untuk permainan;
 - 4.6.2 Urus niaga pengeluaran tunai, pendahuluan tunai, pemindahan baki;
 - 4.6.3 Ansuran bulanan bagi sebarang kemudahan pembayaran ansuran oleh Pihak Bank seperti EPP;
 - 4.6.4 Bayaran dan caj seperti bayaran keuntungan, yuran tahunan, yuran pengeluaran tunai, caj pampasan lambat bayar (*Ta'widh*);
 - 4.6.5 Bayaran baki belum jelas; dan
 - 4.6.6 Urus niaga yang tidak sah atau terbalik, bayaran balik, transaksi yang tidak dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.

5. Pemilihan Pemenang dan Pemenang

- 5.1 Untuk menentukan pemenang bertuah, Ahli Kad yang Layak akan dipilih secara rawak berdasarkan penyertaan terkumpul yang diperolehi semasa Tempoh Kempen. Ahli Kad yang Layak yang pertama terpilih akan diumumkan sebagai pemenang bertuah
- 5.2 Hanya Ahli Kad tambahan dengan akaun Kad yang berbeza daripada akaun Kad utama layak menjadi salah satu pemenang bertuah.
- 5.3 Ahli Kad tambahan dengan dengan akaun Kad Utama **TIDAK** layak menjadi salah satu pemenang bertuah. Untuk tujuan ini, hanya Ahli Kad Utama layak menjadi salah satu pemenang bertuah.
- 5.4 Ahli Kad Yang Layak berhak untuk memenangi maksimum satu (1) 'Hadiah Tunai Mingguan' dan (1) 'Hadiah Tunai Bulanan' sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.5 Ahli Kad Yang Layak yang memenangi 'Hadiah Tunai Mingguan dan Bulanan' berhak untuk memenangi 'Hadiah Utama' dan sebaliknya.
- 5.6 Dengan mendapat persetujuan Pemenang, Pihak Bank berhak untuk:
 - 5.6.1 Memberikan butir-butir Pemenang kepada pihak ketiga untuk tujuan penyampaian Hadiah; dan
 - 5.6.2 Menggunakan, menerbitkan dan memaparkan nama, gambar yang diambil atau maklumat lain untuk tujuan iklan dan publisiti semasa dan masa depan tanpa apa-apa pampasan yang dibayar

6 Hadiah

6.1 Ahli Kad AFFIN akan berpeluang untuk memenangi hadiah berikut ("Hadiah"):

KATEGORI HADIAH	HADIAH
9 Pemenang x Hadiah Utama	Vespa S125
3 Pemenang x Hadiah Tunai Bulanan	RM1,000
3 Pemenang x Hadiah Tunai Mingguan	RM500

6.2 Bagi hadiah utama, Pihak Bank memperuntukkan dua (2) pemenang bagi Ahli Kad Debit dan tujuh (7) pemenang bagi Ahli Kad Kredit.

6.3 Pihak Bank berhak untuk menggantikan hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

6.4 Hadiah tidak boleh dipindahkan atau ditukar atau ditebus dengan wang tunai atau mana-mana barangan lain sebahagian atau sepenuhnya.

7 Pemberian Hadiah

7.1 Pemenang akan diumumkan melalui laman web www.affinonline.com dan www.affinislamic.com.my dalam masa enam puluh (60) hari selepas kempen berakhir. Walau apa pun yang terdahulu, Pihak Bank berhak untuk menggunakan mana-mana kaedah atau medium yang difikirkan sesuai oleh Pihak Bank berdasarkan budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk tujuan mengumumkan Pemenang.

7.2 Semua Hadiah untuk Kempen akan diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pengumuman Pemenang.

7.3 Untuk Hadiah Wang Tunai Bulanan dan Mingguan, hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemenang atau akaun semasa/simpanan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pengumuman Pemenang.

8 Penebusan Hadiah

8.1 Pemenang dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua waranti dan / atau liabiliti berkaitan dengan Hadiah dan / atau Kempen yang dianugerahkan. Pemenang akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kecederaan, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kecederaan diri dan / atau kematian) yang terhasil daripada penyertaan mereka dalam Kempen, penebusan dan / atau penggunaan Hadiah. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa cara sekalipun yang ditanggung oleh Pemenang.

8.2 Pihak Bank akan menghubungi para Pemenang mengenai cara dan garis masa, serta terma-terma lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Bank untuk Pemenang melakukan penebusan Hadiah. Dengan tidak mengira perkara yang termaktub di atas, Pihak Bank berhak dengan sepenuhnya dan tertakluk kepada budi bicaranya yang mutlak untuk menggunakan apa jua cara atau medium yang difikirkan sesuai untuk mengumumkan para pemenang Peserta Yang Layak.

- 8.3 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan Hadiah adalah tanggungjawab sendiri dan akan ditanggung oleh Pemenang. Pihak Bank berhak untuk meminta bukti sebagai Ahli Kad dan melakukan pengenalpastian sebagai Ahli Kad. Pihak Bank berhak membatalkan kelayakan Pemenang dan Pemenang akan kehilangan Hadiah yang diberikan jika pengenalpastian yang sah untuk melakukan penebusan Hadiah gagal.

9 Pematuhan Kepada Terma dan Syarat

- 9.1 Semua Ahli Kad yang Layak dikehendaki mematuhi Terma dan Syarat Kempen.
- 9.2 Semua Terma dan Syarat yang tertakluk di dalam ini ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Kuala Lumpur.
- 9.3 Ahli Kad yang Layak telah membaca dan memahami semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Pihak Bank boleh mengubah, meminda dan / atau mengubahsuai mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan akan diumumkan dengan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari pada laman web Pihak Bank di www.affinonline.com dan www.affinislamic.com.my.
- 9.4 Sila rujuk Notis Privasi Kumpulan kami yang boleh didapati di mana-mana pejabat atau cawangan Kumpulan Affin Bank Berhad atau di laman web di www.affinonline.com dan www.affinislamic.com.my.
- 9.5 Ahli Kad hendaklah mematuhi peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013, Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan peraturan-peraturan, notis dan garis panduan dan hendaklah mengatur, menyelaras, mengurus dan mendapatkan semua persetujuan, lesen, kelulusan yang diperlukan atau kebenaran yang diperlukan yang berkaitan dengan pelaksanaan, prestasi, kesahan atau kebolehuatkuasaan Transaksi Dokumen.
- 9.6 Untuk sebarang bantuan, maklumbalas dan / atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, Ahli Kad boleh menghubungi Pihak Bank di saluran berikut:
- Nombor untuk kad AFFINBANK dan AFFIN ISLAMIC World Mastercard di 03-8230 2323;
 - Pusat Panggilan di 03-8230 2222; atau
 - E-mel kepada cardservices@affinbank.com.my
- 9.7 Versi terma dan syarat Bahasa Inggeris boleh didapati di www.affinonline.com dan www.affinislamic.com.my.